

ВДВ
ХЕТИГА

BAB KETIGA

ANALISA TERHADAP AMALAN POLIGAMI DI DAERAH KUALA TERENGGANU DAN KESANNYA KEPADA PEMBANGUNAN KELUARGA

3.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang hasil kajian yang diperolehi daripada responden-responden yang terlibat secara langsung dengan topik kajian, iaitu terdiri daripada suami-suami yang berpoligami, isteri-isteri yang dipoligami dan anak-anak daripada ibubapa yang berpoligami. Metode soalselidik bertulis (Lihat lampiran 11) telah dijalankan ke atas 100 buah keluarga yang melibatkan suami, isteri dan anak. Jumlah keseluruhan yang sepatutnya ialah 300 orang responden. Namun sebanyak 63 buah keluarga sahaja iaitu seramai 189 orang yang dapat dikumpulkan dan memberi tindakbalas yang baik. Walau bagaimanapun, bilangan tersebut telah cukup bagi penulis untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki sebagai asas kepada perbincangan untuk mencapai objektif kajian.

Dalam penganalisaan ini, penulis telah mengkategorikan jawapan soalselidik kepada tiga bahagian, iaitu analisa jawapan soalselidik terhadap suami yang berpoligami, analisa jawapan soalselidik terhadap isteri yang dipoligami dan analisa jawapan soalselidik anak daripada ibubapa yang berpoligami. Data-data yang diperolehi dengan menggunakan program SPSS (*Statistical Package For The Social Sciences*) ini akan membincangkan tentang latarbelakang responden,

pengamalan dan perlaksanaan poligami serta kesan-kesan poligami terhadap mereka yang terlibat.

Jadual dua hala (*cross tabulation*) digunakan untuk melihat perhubungan antara data-data yang dipilih untuk mencapai objektif kajian. Dalam penganalisaan ini, kesimpulan dibuat bergantung kepada jumlah responden. Penulis mengandaikan sekiranya jumlah responden adalah lebih separuh daripada jumlah keseluruhan responden, maka ia bolehlah dibuat kesimpulan samada positif atau negatifnya poligami yang diamalkan. Secara khususnya, penganalisaan ini adalah untuk mengenalpasti samada pengamalan dan perlaksanaan poligami di kawasan kajian ini menepati dan mencapai maksud pengharusan poligami dalam Islam.

3.2 Analisa Jawapan Soalselidik Terhadap Suami Yang Berpoligami

A) Maklumat Latarbelakang Responden

Kajian ini melibatkan senarai 63 orang responden iaitu sebagai sampel kepada suami yang berpoligami di Daerah Kuala Terengganu. Dari aspek tahap pendidikan, didapati mereka yang mendapat pendidikan peringkat menengah adalah yang paling ramai mengamalkan poligami iaitu seramai 29 orang diikuti dengan 21 orang daripada mereka yang mendapat pendidikan rendah. 2 orang daripada mereka mendapat pendidikan pondok manakala 11 orang daripada mereka mendapat pendidikan tinggi. Jadual 3.1 menunjukkan taburan responden mengikut tahap pendidikan.

Jadual 3.1: (Tahap pendidikan suami)

Tahap Pendidikan	Kekerapan	Peratus
Rendah	21	33.3
Pondok	2	3.2
Menengah	29	46.0
Tinggi	11	17.5
Jumlah	63	100.0

Sumber: (Borang soalselidik)

Kajian juga turut melihat dari aspek pekerjaan dan pendapatan responden dengan tujuan untuk mengenalpasti golongan mana yang biasanya mengamalkan poligami. Kajian mendapati senarai 14 orang iaitu 22.2% daripada mereka yang bekerja kerajaan dan seramai 12 orang adalah bekerja swasta. Manakala peratus tertinggi mereka yang mengamalkan poligami adalah daripada mereka yang bekerja sendiri (lain-lain) iaitu sebanyak 58.7%. Kebanyakan mereka ini bekerja sebagai petani, buroh kasar, kontraktor dan lain-lain pekerjaan yang dijalankan sendiri. Mereka ini berpotensi untuk berpoligami mungkin kerana situasi pekerjaannya yang tidak hanya tertumpu kepada satu tempat pekerjaan dan melibatkan pergaulan yang luas.

Dari segi pendapatan pula, kajian mendapati mereka yang paling ramai berpoligami adalah mereka yang memperolehi pendapatan tinggi iaitu melebihi RM1500 sebulan. Manakala seramai 18 orang daripada mereka berpendapatan RM1001-1500 dan diikuti seramai 14 orang yang berpendapatan RM501-1000. Seramai 7 orang daripada 63 responden berpendapatan sebanyak RM500 ke bawah. Di sini jelas menunjukkan mereka yang berpoligami di Daerah Kuala Terengganu masih menitikberatkan kemampuan dari segi kewangan sebelum mengambil keputusan untuk berpoligami. Semoga langkah ini akan

menyeimbangkan kewajipan suami dalam pemberian nafkah kepada isteri-isteri.

Keterangan mengenai taburan responden mengikut pekerjaan dan pendapatan bulanan seperti tercatat pada jadual 3.2 dan 3.3.

Jadual 3.2: (Taburan responden mengikut pekerjaan suami)

Pekerjaan	Kekerapan	Peratus
Kerajaan	14	22.2
Swasta	12	19.0
Lain-lain	37	58.7
Jumlah	63	100.0

Sumber: (Borang soalselidik)

Jadual 3.3: (Taburan responden mengikut pendapatan suami)

Kategori	Kekerapan	Peratus
RM500 ke bawah	7	11.1
RM501-1000	14	22.2
RM1001-1500	18	28.6
RM1500 ke atas	24	38.1
Jumlah	63	100.0

Sumber: (Borang soalselidik)

Seterusnya kajian juga mendapati daripada 63 orang responden, seramai 52 orang iaitu 82.5 peratus daripada mereka memiliki dua orang isteri manakala hanya 11 orang daripada mereka mempunyai tiga orang isteri. Ini menunjukkan biasanya purata mereka hanya mampu memiliki dua orang isteri sahaja. Taburan responden mengenainya seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.4.

Jadual 3.4: (Taburan responden mengikut bilangan isteri yang dimiliki)

Kategori	Kekerapan	Peratus
dua	52	82.5
tiga	11	17.5
Jumlah	63	100.0

Sumber: (Borang soalselidik)

Maklumat-maklumat lain yang berkaitan dengan responden seperti umur, kriteria pemilihan isteri, sebab berpoligami, kesan poligami dan lain-lain bolehlah dilihat pada lampiran (12) kerana maklumat ini akan diperincikan lagi ulasannya dalam perbincangan seterusnya dengan menggunakan jadual dua hala (*cross tabulation*) untuk mencapai objektif yang dikaji.

B) Hubungkait antara pengamalan dan perlaksanaan poligami oleh suami dan kesannya terhadap mereka

Penganalisaan data dengan menggunakan kaedah jadual dua hala (*cross tabulation*) telah dilakukan untuk melihat hubungan antara data-data yang diperolehi. Perbincangan akan melihat tentang pengamalan dan perlaksanaan poligami oleh suami dan apakah kesannya terhadap mereka.

(i) Pengamalan dan perlaksanaan poligami

Kajian ingin melihat bagaimakah pengamalan dan perlaksanaan poligami di Daerah Kuala Terengganu dan ia melibatkan perkara-perkara berikut:-

(a) Hubungan antara tahap pendidikan suami dengan bilangan isteri yang dimiliki

Kajian ini adalah untuk melihat hubungan antara tahap pendidikan suami dengan bilangan isteri yang dimiliki. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti pada kebiasaannya mereka yang bertaraf pendidikan manakah yang berkeinginan untuk memiliki isteri lebih dari satu. Hasil kajian adalah seperti yang ditunjukkan – dalam jadual 3.5.

Jadual 3.5: (Hubungan antara tahap pendidikan suami dengan bilangan isteri yang dimiliki)

Tahap pendidikan suami	Bilangan isteri sekarang		Jumlah
	tiga	dua	
Rendah	6	15	21
Pondok		2	2
Menengah	4	25	29
Tinggi	1	10	11
Jumlah	11	52	63

Sumber: (Barang soalselidik)

Kajian menunjukkan seramai 11 orang daripada responden memiliki tiga orang isteri dan daripada bilangan itu seramai 6 orang adalah berpendidikan rendah. Selebihnya adalah berpendidikan menengah dan tinggi. Daripada 63 orang responden, 52 orang daripada mereka memiliki 2 orang isteri. Seramai 25 orang daripada responden adalah yang berpendidikan menengah, 15 orang berpendidikan rendah, 10 orang berpendidikan tinggi dan 2 orang berpendidikan pondok. Ini menunjukkan mereka yang berpendidikan sederhana (menengah) lebih cenderung berpoligami berbanding dengan mereka yang berpendidikan tinggi atau rendah.

(b) Hubungan antara umur suami ketika berpoligami dengan status isteri baru (2,3,4)¹³⁴ ketika dikahwini

Hubungan antara dua hasil kajian iaitu umur suami dengan status isteri ketika dikahwininya adalah untuk mengetahui sewaktu umur berapakah timbulnya keinginan untuk berpoligami dan bagaimanakah kriteria isteri yang dipilih. Hasil kajian seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 3.6.

¹³⁴ Isteri baru yang dimaksudkan di sini ialah samada isteri kedua, ketiga atau keempat.

Jadual 3.6:(Hubungan antara umur suami ketika berpoligami dengan status isteri (2,3,4) ketika dikahwini)

Umur suami ketika berpoligami	Status isteri (2,3,4) ketika dikahwini		Jumlah
	janda	gadis	
umur 20-30 tahun	3	4	7
umur 31-40 tahun	16	22	38
umur 41-50 tahun	8	8	16
umur 51 tahun ke atas	2		2
Jumlah	29	34	63

Sumber: (Borang soalselidik)

Daripada kajian ini didapati lelaki di peringkat umur 31-40 tahun adalah lebih cenderung untuk berpoligami. Separuh daripada responden iaitu suami seramai 34 orang memilih gadis sebagai isteri baru (2,3,4) manakala 29 orang daripada mereka memilih janda. Daripada kajian ini diandaikan bahawa lelaki lebih cenderung memilih gadis sebagai isteri berbanding janda. Situasi begini tidak harus berlaku kerana melihat maksud poligami dalam Islam adalah untuk menolong mereka yang tidak berdaya dan sepatutnya janda mesti diutamakan apatah lagi mereka yang mempunyai bebanan tanggungjawab yang tinggi.

(c) Hubungan antara umur suami ketika berpoligami dengan sebab suami berpoligami

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti perkaitan antara umur suami dengan sebab mereka ingin berpoligami.. Tujuannya adalah untuk menilai samada alasan mereka untuk berpoligami itu sebenarnya satu alasan yang kukuh di sisi syariat atau tidak.

Jadual 3.7:(Hubungan antara umur suami ketika berpoligami dengan sebab suami berpoligami)

Umur suami ketika berpoligami	Sebab Suami Berpoligami						Jumlah
	Berkemampuan	Tolong janda	Isteri berpenyakit	Terlanjur	Hindari maksiat	Zuriat	
umur 20-30 tahun	2				4	1	7
umur 31-40 tahun	6	5	3	7	14	3	38
umur 41-50 tahun	3			2	11		16
umur 51 tahun ke atas		2					2
Jumlah	11	7	3	9	29	4	63

Sumber: (Borang soalselidik)

Hasil kajian mendapati sebab atau alasan utama untuk berpoligami adalah untuk menghindari diri dari perkara maksiat. Peratus taburan tertinggi adalah mereka yang dalam lingkungan umur 31-40 tahun. Sebab kedua tertinggi adalah kerana mereka berkemampuan. Seterusnya alasan kerana diri mereka telah terlanjur, menolong janda untuk mendapatkan zuriat dan tersedikit peratusnya adalah kerana isteri berpenyakit. Apa yang dapat dilihat di sini adalah hampir separuh daripada mereka berpoligami bukanlah atas dasar alasan yang kukuh tetapi kebanyakannya untuk memenuhi keperluan diri semata-mata iaitu mengelakkan daripada melakukan maksiat. Kebanyakan daripada golongan ini ialah mereka yang dalam lingkungan umur 31-50 tahun. Persoalannya adakah dengan berpoligami sahaja dapat menghindari diri dari maksiat ? Alasan sebegini sebenarnya adalah suatu alasan yang tidak kukuh apatah lagi sekiranya dalam keadaan isteri pertama mampu memberi layanan yang sempurna. Seharusnya

mereka memikirkan tanggungjawab dan komitmen yang perlu dipikul untuk mengemudi dua buah keluarga sebelum membuat apa-apa keputusan.

(d) Hubungan antara tahap pendidikan suami dengan pengagihan nafkah dan kasih sayang kepada isteri-isteri

Kajian ini adalah untuk melihat bagaimakah perlaksanaan poligami mengikut tahap pendidikan iaitu tentang pengagihan nafkah dan kasih sayang kepada isteri-isteri. Tujuannya adalah untuk menilai samada perlaksanaan poligami oleh mereka yang terlibat ini sebenarnya memenuhi tuntutan syariat atau tidak dan adakah tahap pendidikan seseorang itu mempengaruhi cara perlaksanaan poligami. Hasil kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.8.

Jadual 3.8:(Hubungan antara tahap pendidikan suami dengan pengagihan nafkah dan kasih sayang kepada isteri-isteri)

Tahap pendidikan suami	Pengagihan nafkah dan kasih sayang kepada isteri-isteri				Jumlah
	sama rata	lebih kpd isteri-3	lebih kpd isteri-2	lebih kpd isteri-1	
Rendah	14		4	3	21
Pondok			1	1	2
Menengah	16	1	4	8	29
Tinggi	4	2	2	3	11
Jumlah	34	3	11	15	63

Sumber: (Borang soalselidik)

Hasil kajian ini mendapati 34 orang daripada responden menyatakan mereka membahagikan nafkah dan kasih sayang kepada isteri-isteri secara sama rata tanpa condong kepada sebelah pihak sahaja. Namun demikian masih terdapat juga antara mereka samada yang berpendidikan rendah, pondok, menengah

ataupun tinggi yang melebihkan kepada isteri muda contohnya kepada isteri ke-3 atau ke-2. Ini tidak sepatutnya berlaku kerana Islam sendiri mengesyorkan agar berlaku adil dan tidak terlampau menunjuk-nunjuk hingga menyakiti pihak yang lain. Ini menunjukkan bahawa tahap pendidikan seseorang itu tidak menjamin keadilan dalam berpoligami. Mereka seharusnya mempelajari dan memahami tanggungjawab sebenar sebagai suami dalam berpoligami.

(ii) Kesan poligami kepada suami

Perbincangan tentang kesan poligami terhadap suami samada negatif atau positif akan melibatkan perkara-perkara berikut:-

(a) Hubungan antara tahap pendidikan suami dengan perhubungan mereka dengan mertua dan adik beradik isteri

Kajian ini juga ingin melihat sejauh manakah kesan poligami kepada suami mengikut tahap pendidikan terutama perkara yang berhubung dengan pergaulan dengan ahli keluarga. Tujuannya adalah untuk melihat samada mereka yang berpoligami ini dapat mengawal situasi dan mengekalkan perhubungan persaudaraan atau sebaliknya. Hasil kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.9.

Jadual 3.9: (Hubungan antara tahap pendidikan suami dengan perhubungan mereka dengan mertua dan adik beradik isteri)

Tahap pendidikan suami	Hubungan suami dengan mertua dan adik beradik isteri			Jumlah
	kurang mesra	Selalu bertengkar	Mesra	
Rendah	8	1	12	21
Pondok		1	1	2
Menengah	11	4	14	29
Tinggi	9		2	11
Jumlah	28	6	29	63

Sumber: (Borang soalselidik)

Jadual 3.9 menunjukkan 29 orang daripada mereka menyatakan perhubungan mereka adalah mesra dan 28 orang mempunyai hubungan yang kurang mesra. Namun begitu, seramai 6 orang daripada mereka mempunyai hubungan yang kurang baik dan selalu bertengkar dengan ahli keluarga mentua serta adik beradik isteri. Walau bagaimanapun, didapati mereka yang berpendidikan tinggi lebih bijak mengawal keadaan berbanding dengan yang lain. Ini mungkin disebabkan cara pendekatan mereka dengan ahli keluarga adalah bersikap rasional dan dapat diterima oleh ahli keluarga yang terlibat. Hal ini sepatutnya diberikan penekanan agar isu poligami tidak dijadikan alasan sebagai penyebab keruntuhan institusi kekeluargaan. Suami sebagai ketua keluarga sepatutnya bertanggungjawab memastikan kerukunan dalam hal rumahtangga.

(b) Hubungan antara pendapatan suami dengan masalah utama suami setelah berpoligami

Selain daripada kesan poligami terhadap perhubungan kekeluargaan, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti masalah utama poligami yang boleh memberi kesan terhadap suami. Hal ini dilihat dari sudut ekonomi iaitu perhubungan antara pendapatan suami dengan masalah utama berpoligami. Tujuannya adalah untuk mengenalpasti samada tahap ekonomi seseorang itu mempengaruhi atau tidak dalam permasalahan rumahtangga. Jadual 3.10 menunjukkan hasil kajian yang telah diperolehi.

Jadual 3.10: (Hubungan antara pendapatan suami dengan masalah utama setelah berpoligami)

Pendapatan suami	Masalah utama	suami	setelah berpoligami	Jumlah	
	tiada masalah	kewangan	pertengkaran dgn isteri	atasi masalah anak	
500 ke bawah	2	2	2	1	7
501-1000	3	9	1	1	14
1001-1500	4	9	4	1	18
1500 ke atas	7	2	10	5	24
Jumlah	16	22	17	8	63

Sumber: (Borang soalselidik)

Berdasarkan kepada kajian ini, didapati 22 orang daripada responden menyatakan masalah utama yang dihadapi dalam poligami adalah masalah kewangan. Namun demikian, jika dilihat dapatan kajian menunjukkan mereka yang berpendapatan RM500-1500 adalah peratus tertinggi menghadapi masalah kewangan. Bagi yang berpendapatan tinggi iaitu RM1500 ke atas, hal ini tidak menjadi masalah kepada mereka. Namun begitu mereka tetap menghadapi masalah lain seperti pertengkaran dengan isteri dan menghadapi masalah anak-anak. Di sini jelas menunjukkan wang bukanlah penyelesaian segala-galanya dalam masalah poligami. Namun begitu pendapatan yang kukuh dapatlah memberi keselesaan kepada isteri dan anak-anak lebih-lebih lagi mereka yang berkeinginan untuk berpoligami.

(c) Hubungan antara tahap pendidikan suami dengan keadilan dalam berpoligami

Seterusnya kajian melihat perhubungan antara tahap pendidikan dengan perlaksanaan keadilan dalam berpoligami. Tujuannya untuk mengenalpasti

bagaimanakah persepsi suami yang berpoligami mengikut tahap pendidikan terhadap perlaksanaan mereka dalam berpoligami. Hasil kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.11.

Jadual 3.11: (Hubungan antara tahap pendidikan suami dengan keadilan dalam berpoligami)

Tahap pendidikan suami	Adakah suami merasakan mereka berlaku adil atau tidak dalam berpoligami			Jumlah
	Tidak pasti	Ya	Tidak	
Rendah	9	9	3	21
Pondok	2			2
Menengah	13	11	5	29
Tinggi	8	2	1	11
Jumlah	32	22	9	63

Sumber: (Borang soalselidik)

Jadual 3.11 menunjukkan majoriti responden daripada yang berpendidikan rendah hinggalah kepada yang berpendidikan tinggi sebenarnya tidak pasti samada mereka melakukan keadilan dalam poligami atau tidak. Manakala 9 orang daripada mereka tidak berlaku adil dalam poligami. Hal ini tidak sepatutnya berlaku kerana Islam mengajar supaya berlaku adil dalam berpoligami. Sebagaimana maksud firman Allah dalam Surah al-Nisa', ayat 3: " Jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (diantara isteri-isteri kamu), maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja." Ini bermakna seseorang mestilah memastikan diri mereka sentiasa berlaku adil dalam berpoligami.

3.3 Analisa Jawapan Soalselidik Terhadap Isteri-isteri Yang Dipoligami

A) Maklumat Latarbelakang Responden

Kajian ini melibatkan 63 orang responden terdiri daripada isteri-isteri yang dipoligami. Mereka ini dijadikan sampel kajian bagi isteri-isteri yang dipoligami

di Daerah Kuala Terengganu. Responden-responden ini dipilih secara rawak dan ini melibatkan seramai 39 orang sebagai isteri pertama, 24 orang sebagai isteri baru (2,3,4).

Jadual 3.12: (Taburan responden isteri)

Kategori	Kekerapan	Peratus
Isteri 1	39	61.9
Isteri 2	24	38.1
Jumlah	63	100.0

Sumber: (Borang soalselidik)

Dari aspek tahap pendidikan hampir separuh daripada mereka yang dipoligami iaitu seramai 26 orang adalah berpendidikan menengah dan 24 orang berpendidikan rendah. Manakala bilangan mereka yang berpendidikan tinggi adalah lebih rendah sedikit iaitu seramai 13 orang sahaja. Hal ini terjadi mungkin kerana mereka yang berpendidikan tinggi lebih berhati-hati dalam memilih pasangan apatah lagi bagi mereka yang boleh hidup berdikari. Jadual 3.13 menunjukkan taburan tahap pendidikan responden.

Jadual 3.13: (Taburan responden mengikut tahap pendidikan)

Kategori	Kekerapan	Peratus
Rendah	24	38.1
Menengah	26	41.3
Tinggi	13	20.6
Jumlah	63	100.0

Sumber: (Borang soalselidik)

Dari segi pekerjaan, 12 orang daripada responden adalah bekerja kerajaan, 9 orang bekerja swasta dan selebihnya iaitu 42 orang bekerja sendiri atau suri rumah tangga. Jadual 3.14 menunjukkan taburan pekerjaan responden.

Jadual 3.14: (Taburan responden mengikut pekerjaan)

Kategori	Kekerapan	Peratus
Kerajaan	12	19.0
Swasta	9	14.3
lain-lain	42	66.7
Jumlah	63	100.0

Sumber: (Borang soalselidik)

Dari aspek kewangan iaitu pendapatan isteri, lebih separuh daripada mereka iaitu 39 orang mempunyai sumber kewangan tersendiri iaitu antara RM500-RM1500. Manakala selebihnya iaitu seramai 24 orang dikategorikan sebagai tidak berkenaan iaitu mereka yang tidak bekerja dan tiada sumber pendapatan, sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 3.15.

Jadual 3.15: (Taburan responden mengikut pendapatan)

Kategori	Kekerapan	Peratus
500 ke bawah	11	17.5
501-1000	8	12.7
1001-1500	8	12.7
1500 ke atas	12	19.0
tidak berkenaan	24	38.1
Jumlah	63	100.0

Sumber: (Borang soalselidik)

Kebanyakan daripada responden ini iaitu seramai 33 orang sudah berpengalaman hidup bermadu lebih daripada 7 tahun. Manakala seramai 26 orang daripada mereka telah dimadukan selama 2-6 tahun dan hanya 3 orang daripada mereka hidup bermadu kurang daripada 2 tahun. Ia seperti ditunjukkan dalam jadual 3.16.

Jadual 3.16: (Taburan tempoh isteri dipoligami)

Kategori	Kekerapan	Peratus
kurang dari 2 tahun	3	4.8
2-6 tahun	27	42.9
7 tahun ke atas	33	52.4
Jumlah	63	100.0

Sumber: (Borang soalselidik)

Maklumat-maklumat lain yang diperolehi daripada soalselidik dan disusun mengikut taburan kekerapan responden bolehlah dilihat pada lampiran (13) kerana ia akan diterangkan secara terperinci dengan menggunakan jadual dua hala.

B) Hubungkait antara perlaksanaan poligami dan kesannya terhadap isteri-isteri yang dipoligami

Seterusnya penganalisaan data dengan menggunakan kaedah jadual dua hala (*cross tabulation*) telah dilakukan untuk melihat hubungan antara data-data yang diperolehi. Penganalisaan ini akan melihat tentang perlaksanaan poligami dari sudut pandangan isteri dan kesannya terhadap mereka.

(i) Perlaksanaan poligami daripada sudut pandangan isteri-isteri

Perbincangan tentang perlaksanaan poligami terhadap isteri-isteri akan melibatkan perkara-perkara seperti berikut:-

(a) Hubungan antara tahap pendidikan isteri dengan status isteri yang dipoligami

Kajian ini adalah untuk melihat pada kebiasaannya wanita-wanita yang berpendidikan manakah yang menjadi isteri pertama atau isteri baru (2,3,4).

Tujuannya untuk menilai samada tahap pendidikan seseorang itu mempengaruhi atau tidak status keputusan mereka untuk dipoligami. Hasil kajian seperti yang tercatat dalam jadual 3.17.

Jadual 3.17: (Hubungan antara tahap pendidikan isteri dengan status isteri yang dipoligami)

Tahap pendidikan isteri	Responden isteri		Jumlah
	Isteri baru (2,3,4)	Isteri 1	
rendah	8	16	24
menengah	8	18	26
tinggi	8	5	13
Jumlah	24	39	63

Sumber: (Borang soalselidik)

Kajian menunjukkan, daripada 63 orang responden, 26 orang adalah berpendidikan menengah. Kebanyakan daripada jumlah ini (lebih separuh) iaitu 18 orang adalah isteri pertama, 8 orang isteri baru (2,3,4). Begitu juga bagi yang berpendidikan rendah, seramai 16 orang daripada 24 orang responden (lebih daripada separuh) adalah isteri pertama dan 8 orang sebagai isteri kedua. Manakala bagi yang berpendidikan tinggi, daripada 13 orang responden kebanyakan mereka menjadi isteri baru (2,3,4) iaitu seramai 8 orang dan 5 orang sebagai isteri pertama. Di sini dapat dilihat bahawa pada kebiasaannya mereka yang berpendidikan rendah dan menengah lebih ramai menjadi isteri pertama berbanding mereka yang berpendidikan tinggi. Walaupun begitu, daripada keterangan ini dapat disimpulkan bahawa kehidupan bermadu bukanlah hanya dialami oleh mereka yang berpendidikan rendah sahaja malah mereka yang berpendidikan tinggi juga kadangkala terpaksa menghadapi dugaan hidup sebegini. Bagi isteri pertama mungkin mereka sudah tiada pilihan lagi kerana hak untuk berkahwin terletak ditangan suami namun bagaimana pula dengan mereka

yang sanggup menjadi isteri kedua dalam keadaan mereka sebenarnya boleh hidup berdikari? Ini mungkin disebabkan oleh banyak faktor yang tidak dapat dielakkan apatah lagi ia berkaitan dengan perasaan dan fitrah semulajadi manusia yang mahu disayangi dan hidup berumahtangga seperti wanita-wanita lain.

(b) Hubungan antara keizinan isteri dipoligami (untuk isteri pertama sahaja) dengan sikap suami setelah berpoligami.

Seterusnya kajian dibuat untuk melihat perkaitan antara keizinan isteri untuk dipoligami dan sikap suami setelah berpoligami. Tujuannya adalah untuk melihat samada suami dapat mengawal atau tidak perasaan dan situasi keluarga setelah berpoligami. Soalan ini hanya akan dijawab oleh isteri pertama sahaja. Manakala isteri baru (2,3,4) dikategorikan sebagai "tidak berkenaan". Jadual 3.18 menunjukkan hasil kajian dengan lebih terperinci.

Jadual 3.18: (Hubungan antara keizinan isteri dipoligami (untuk isteri 1 sahaja) dengan sikap suami setelah berpoligami)

Adakah suami meminta izin untuk berpoligami (untuk isteri 1 sahaja)	Sikap suami setelah berpoligami			Jumlah
	mesra seperti biasa	tidak mesra	selalu bertengkar	
ya	15	2	8	25
tidak	4	5	5	14
tidak berkenaan	15	2	7	24
Jumlah	34	9	20	63

Sumber: (Borang soalselidik)

Hasil kajian mendapati daripada 39 orang responden (isteri 1 sahaja), seramai 25 orang daripada mereka mengatakan suami mereka meminta izin terlebih dahulu untuk berpoligami. Daripada jumlah itu seramai 15 orang iaitu lebih separuh daripada mereka berpuashati dengan sikap suami yang mesra

Jadual 3.19: (Hubungan antara status isteri yang dipoligami dengan pembahagian giliran bermalam)

responden isteri	Pembahagian giliran bermalam		Jumlah
	tidak adil dan tidak teratur	adil dan berjadual	
Isteri 1	20	19	39
Isteri baru (2,3,4)	8	16	24
Jumlah	28	35	63

Sumber: (Borang soalselidik)

Hasil kajian menunjukkan bagi isteri pertama iaitu seramai 39 orang, 20 orang daripada mereka mengadu bahawa giliran bermalam adalah tidak adil dan 19 orang mengatakan adil dan berjadual. Ini menunjukkan separuh daripada mereka masih tidak berpuashati dengan keadaan ini. Hal ini sering berlaku kepada isteri-isteri pertama dan ini jelas menunjukkan pengabaian suami terhadap isteri pertama. Jika dilihat kepada pandangan isteri baru (2,3,4) lebih separuh daripada mereka iaitu 16 orang daripada 24 orang responden mengatakan suaminya berlaku adil dan hanya 8 orang sahaja yang menyatakan suami tidak berlaku adil. Keadaan ini adalah berbeza dengan keadaan isteri pertama tadi. Persoalannya mengapakah kebanyakan isteri pertama tidak berpuashati dengan keadilan suami? Adakah kerana perasaan cemburu atau sememangnya suami tidak berlaku adil terhadap mereka? Jawapannya jelas di sini, kebanyakan hak dan layanan terhadap isteri pertama didiskriminasikan.

Hal sebegini tidak sepatutnya berlaku kerana ia adalah tegahan pertama dalam Islam ketika turunnya ayat pengharusan poligami. Sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

"Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman."

(Terjemahan Surah al-Nisa'(4): 3

(d) Hubungan antara status isteri yang dipoligami dengan kadar nafkah yang diberikan kepada isteri dan anak-anak

Bahagian ini pula adalah untuk melihat kadar pembahagian nafkah terhadap isteri dan anak-anak. Tujuannya adalah untuk mengenalpasti keadilan suami dalam pembahagian nafkah dan bagaimanakah mereka menjaga keperluan keluarga. Hasil kajian seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.20.

Jadual 3.20: (Hubungan antara status isteri yang dipoligami dengan kadar nafkah yang diberikan kepada isteri dan anak-anak)

responden isteri	Kadar nafkah yang diberikan kepada isteri dan anak-anak				Jumlah
	tiada langsung	berkurang tetapi mencukupi	tidak mencukupi	tetap seperti dulu	
Isteri l	3	10	10	16	39
Isteri baru(2,3,4)		8	5	11	24
Jumlah	3	18	15	27	63

Sumber: (Borang soalselidik)

Daripada kajian ini didapati, bagi isteri pertama, 16 orang daripada 39 orang responden mendapat nafkah yang tetap sebagaimana sebelum suami berpoligami dan 10 orang mengatakan kadar nafkah yang diberikan adalah semakin berkurang tetapi masih lagi mencukupi untuk keperluan mereka. Ini menunjukkan lebih separuh daripada mereka berpuashati dengan kadar pembahagian nafkah terhadap mereka. Walaupun begitu, masih terdapat 13 orang iaitu 10 orang daripadanya mengatakan kadar nafkah yang diberi tidak mencukupi. Malah 3 orang daripada isteri pertama mendakwa suami mereka tiada langsung memberikan nafkah semenjak berpoligami. Bagaimanakah nasib mereka dan anak-anak sekiranya hak ini berlarutan. Di sini jelas menunjukkan bahawa mereka tidak layak diberi kebenaran berpoligami.

Jika dibandingkan dengan isteri baru (2,3,4), hanya 5 orang daripada 24 orang responden mendakwa nafkah yang diberikan tidak mencukupi malah tiada seorang pun daripada mereka yang mendakwa tidak menerima nafkah langsung semenjak mereka hidup bermadu. Di sini diperhatikan bahawa kebiasaan isteri baru (2,3,4) tidak mengalami banyak masalah dalam bermadu berbanding isteri pertama. Ini menunjukkan masih lagi terdapat lelaki yang lebih mementingkan kebijakan isteri baru berbanding isteri pertama.

(ii) Kesan poligami terhadap isteri-isteri

Kajian seterusnya ini adalah untuk mengkaji kesan poligami terhadap isteri-isteri dan ia melibatkan data-data berikut:-

(a) Hubungan antara status isteri yang dipoligami dengan masalah utama yang timbul setelah berpoligami

Kajian dibuat adalah untuk melihat apakah masalah yang paling utama yang timbul setelah berpoligami. Penulis mengandaikan kekerapan yang paling tinggi bagi setiap masalah yang dipilih adalah merupakan masalah yang paling utama sukar diatasi oleh isteri-isteri sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 3.21.

Jadual 3.21: (Hubungan antara status isteri yang dipoligami dengan masalah utama yang timbul setelah berpoligami)

responden isteri	Masalah utama yang timbul setelah berpoligami					Jumlah
	lain-lain:nyatakan	tiada masalah	masalah anak-anak	cemburu	kewangan	
Isteri 1	1	6	5	14	13	39
Isteri baru(2,3,4)		5	2	9	8	24
Jumlah	1	11	7	23	21	63

Sumber: (Borang soalselidik)

Hasil kajian menunjukkan bagi kedua-dua isteri (isteri pertama dan isteri baru), peratus tertinggi menunjukkan masalah yang paling utama setelah berpoligami adalah untuk mengatasi perasaan cemburu. Inilah kesan yang sebenarnya yang sukar diatasi oleh para isteri yang dipoligami. Untuk mengatasinya, suami perlu memainkan peranan yang penting untuk mewujudkan suasana yang aman tanpa hasad dengki.

(b) Hubungan antara status isteri yang dipoligami dengan perasaan isteri setelah dipoligami

Selain daripada masalah utama yang timbul setelah berpoligami, kajian juga ingin melihat kesan poligami terhadap perasaan isteri setelah berpoligami. Tujuannya adalah untuk melihat samada isteri dapat menerima dengan baik atau tidak suami mereka berpoligami. Ia seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.22.

Jadual 3.22: (Hubungan antara status isteri yang dipoligami dengan perasaan isteri setelah dipoligami)

responden isteri	Perasaan isteri setelah dipoligami		Jumlah
	menyesal dan tidak tenteram	dapat terima dengan tenang, suami adil	
Isteri 1	18	21	39
Isteri baru(2,3,4)	9	15	24
Jumlah	27	36	63

Sumber: (Borang soalselidik)

Kajian ini menunjukkan bahawa bagi isteri pertama, lebih separuh daripada mereka (21) dapat menerima takdir ini dengan tenang kerana suami mereka berlaku adil sebagaimana yang dijanjikan namun hampir separuh juga daripada mereka tidak dapat menerima dengan baik dan begitu menyesal kerana mengizinkan suami mereka berkahwin lain. Begitu juga bagi isteri baru (2,3,4), lebih separuh daripada mereka iaitu 15 orang daripada 24 orang responden dapat

menerima namun 9 orang daripadanya berasa menyesal kerana memilih hidup bermadu. Kebanyakan mereka yang berasa menyesal setelah berpoligami memberi alasan bahawa suami tidak dapat berlaku adil dalam berpoligami dan sebagiannya menyatakan bahawa sering dihantui perasaan cemburu dan curiga. Malah ada juga yang beralasan bahawa mereka saling bermusuhan dengan madu, sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 3.23.

Jadual 3.23: (Alasan isteri yang mengatakan mereka tidak tenteram)

Kategori	Kekerapan	Peratus
suami tidak adil	13	20.6
isteri cemburu dan curiga	13	20.6
sering bermusuhan dengan madu	3	4.8
tidak berkenaan	34	54.0
Jumlah	63	100.0

Sumber: (Borang soalselidik)

Di sini menunjukkan bahawa poligami memberi kesan negatif terhadap perasaan isteri-isteri samada isteri baru apatah lagi kepada isteri pertama.

(c) Hubungan antara status isteri yang dipoligami dengan pergaulan dan kemesraan dengan madu dan anak tiri

Bahagian ini pula memberi perhatian terhadap hubungan silaturrahim yang terjalin antara madu dan anak tiri. Tujuannya adalah untuk meninjau sejauh mana poligami memberi kesan terhadap hubungan persaudaraan sesama Islam dan adakah suami berjaya mewujudkan kerukunan antara isteri-isteri mereka. Hasil kajian seperti yang tercatat dalam jadual 3.24.

Jadual 3.24: (Hubungan antara status isteri yang dipoligami dengan pergaulan dan kemesraan dengan madu dan anak tiri)

responden isteri	Hubungan isteri dengan madu dan anak tiri		Jumlah
	tidak mesra	Mesra	
Isteri 1	27	12	39
Isteri baru(2,3,4)	18	6	24
Jumlah	45	18	63

Sumber: (Borang soalselidik)

Hasil kajian mendapati lebih daripada separuh daripada kedua-dua isteri menyatakan bahawa hubungan mereka tidak mesra sesama madu dan anak tiri. Ini bererti, dari segi kepimpinan, suami tidak dapat berjaya membentuk dan mendidik dua buah keluarga agar berbaik-baik. Faktor ini juga mesti diambil kira sekiranya seseorang itu ingin berpoligami demi untuk mewujudkan kesejahteraan umat. Sekiranya poligami adalah penyebab kepada perpecahan umat, ini sepatutnya dielakkan melainkan bagi mereka yang berkelayakan sahaja.

(d) Hubungan antara status isteri yang dipoligami dengan pergaulan dan kemesraan dengan mertua

Kajian ini juga bertujuan untuk melihat kesan poligami terhadap perhubungan dan kemesraan dengan mertua. Ini adalah penting untuk melihat peranan ibubapa dalam menyelesaikan masalah anak-anak. Jadual 3.25 menunjukkan hasil kajian yang diperolehi.

Jadual 3.25: (Hubungan antara status isteri yang dipoligami dengan pergaulan dan kemesraan dengan mertua)

responden isteri	Hubungan isteri dengan mertua			Jumlah
	Mertua menyalahkan isteri	kurang mesra	mesra dan boleh berbincang	
Isteri 1	1	11	27	39
Isteri baru(2,3,4)	3	12	9	24
Jumlah	4	23	36	63

Sumber: (Borang soalselidik)

(ii) Pandangan isteri-isteri mengapa kebanyakan wanita menentang amalan poligami.

(iii) Komen mereka samada poligami memberi lebih kesan positif atau negatif.

Kesemua hasil kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual 3.26: (Hubungan antara status isteri dengan pandangan mereka samada poligami adalah penyelesaian terbaik dalam masalah rumah tangga atau tidak)

responden isteri	Benarkah poligami penyelesaian terbaik dalam rumah tangga		Jumlah
	ya untuk elak maksiat	tidak kerana banyak masalah	
Isteri 1	7	32	39
Isteri baru(2,3,4)	11	13	24
Jumlah	18	45	63

Sumber: (Borang soalselidik)

Jadual 3.27: (Hubungan antara status isteri dengan pandangan mereka mengapa kebanyakan wanita menentang amalan poligami)

responden isteri	Mengapa wanita menentang amalan poligami		Jumlah
	isteri dihantui perasaan cemburu	suami tidak berkemampuan samada zahir atau batin	
Isteri 1	14	25	39
Isteri baru(2,3,4)	8	16	24
Jumlah	22	41	63

Sumber: (Borang soalselidik)

Jadual 3.28: (Hubungan antara status isteri yang dipoligami dengan pandangan isteri samada poligami memberi lebih kesan positif atau negatif)

responden isteri	Pandangan isteri samada poligami memberi lebih kesan positif atau negatif			Jumlah
	tidak pasti	poligami memberi lebih kesan negatif	poligami memberi lebih kesan positif	
Isteri 1	6	25	8	39
Isteri baru(2,3,4)	4	12	8	24
Jumlah	10	37	16	63

Sumber: (Borang soalselidik)

Berdasarkan kepada ketiga-tiga hasil kajian di atas, didapati lebih separuh daripada responden yang berpengalaman dipoligami (samada isteri pertama atau isteri baru 2,3,4) berpendapat bahawa poligami sebenarnya membawa banyak masalah kerana suami mereka kebanyakannya tidak berkemampuan samada zahir atau batin. Ini jelas menunjukkan mereka yang mengamalkan poligami di Daerah Kuala Terengganu masih lagi tidak dapat memenuhi syarat yang ditetapkan dalam Islam dan setiap suami harus memperlengkapkan diri dari segi rohani dan jasmani sekiranya mereka ingin berpoligami.

3.4 Analisa Jawapan Soalselidik Terhadap Anak Daripada Ibubapa Yang Berpoligami

A) Maklumat Latarbelakang Responden

Kajian ini melibatkan 63 orang responden sebagai sampel yang terdiri daripada anak-anak daripada ibubapa yang berpoligami di Daerah Kuala Terengganu. Responden ini juga dipilih secara rawak dan ini melibatkan seramai 42 orang yang terdiri daripada anak isteri pertama dan 21 orang daripada anak isteri baru (2,3,4). Kajian ini lebih memfokuskan kepada perbezaan status anak (dari isteri keberapa) kerana ia penting untuk melihat samada terdapat persamaan atau perbezaan pandangan serta pengalaman mereka bagi sesuatu persoalan yang sama. Jadual 3.29 menunjukkan taburan responden mengikut status anak (dari isteri ke berapa).

Jadual 3.29: (Taburan responden mengikut status anak dari ibubapa yang berpoligami)

Kategori	Kekerapan	Peratus
anak isteri 1	42	66.7
anak isteri baru(2,3,4)	21	33.3
Jumlah	63	100.0

Sumber: (Borang soalselidik)

Responden-responden ini terdiri daripada mereka yang mempunyai latarbelakang pekerjaan yang berbeza. Seramai 29 orang daripada mereka adalah berpendidikan menengah, 22 orang berpendidikan tinggi, 11 orang berpendidikan rendah dan seorang berpendidikan pondok. Dari segi pekerjaan 17.5 peratus iaitu 11 orang bekerja di sektor kerajaan, 22.2 peratus atau 14 orang bekerja di sektor swasta dan kebanyakannya iaitu 60.3 peratus dikategorikan sebagai lain-lain pekerjaan. Penulis mendapati kebanyakan daripada mereka bekerja sebagai boroh kasar, peniaga dan sebahagiannya adalah suri rumahtangga. Kesemua data ini ditunjukkan dalam jadual 3.30.

Jadual 3.30: (Taburan responden mengikut tahap pendidikan)

Kategori	Kekerapan	Peratus
rendah	11	17.5
pondok	1	1.6
menengah	29	46.0
tinggi	22	34.9
Jumlah	63	100.0

Sumber: (Borang soalselidik)

Jadual 3.31: (Taburan responden mengikut tahap pekerjaan)

Kategori	Kekerapan	Peratus
kerajaan	11	17.5
swasta	14	22.2
lain-lain	38	60.3
Jumlah	63	100.0

Sumber: (Borang soalselidik)

Maklumat-maklumat lain yang diperolehi daripada borang soalselidik terhadap anak daripada ibu bapa yang berpoligami bolehlah dilihat pada lampiran (14) kerana maklumat ini akan dibincangkan secara terperinci dengan menggunakan kaedah dua hala (*cross tabulation*). Ia bertujuan untuk melihat

pandangan anak-anak (daripada isteri yang berbeza) tentang pengalaman dan kesan poligami terhadap mereka.

B) Hubungkait antara perlaksanaan poligami dari sudut pandangan anak-anak dan kesannya terhadap mereka

Seterusnya penganalisaan data telah dilakukan dengan menggunakan kaedah dua hala (*cross tabulation*) yang bertujuan untuk melihat hubungan antara data-data yang diperolehi. Sebagaimana yang telah diterangkan, dalam penganalisaan ini penulis akan memfokuskan kepada hubungan antara status anak (daripada isteri keberapa) dengan pandangan dan pengalaman mereka setelah bapa berpoligami. Hubungan antara kedua-dua data ini penting kerana ia mungkin boleh menunjukkan perbezaan dan persamaan yang mana ia boleh dijadikan kesimpulan samada poligami yang diamalkan banyak memberi kesan positif atau negatif terhadap pembangunan keluarga khususnya kepada anak-anak. Penganalisaan dan perbincangan daripada data yang diperolehi ini akan melihat dari segi perlaksanaan poligami dari pandangan anak-anak dan kesan poligami terhadap mereka.

(i) Perlaksanaan poligami dari pandangan anak-anak

Kajian akan dilakukan untuk melihat bagaimanakah perlaksanaan poligami daripada pandangan anak-anak dan ini melibatkan perkara-perkara berikut:

(a) **Hubungan antara status anak dengan perhatian bapa terhadap anak setelah berpoligami**

Kajian ini adalah penting untuk melihat hubungan antara status anak (anak isteri keberapa) dengan perhatian yang diberikan oleh bapa setelah berpoligami. Hasil kajian seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.32.

Jadual 3.32: (Hubungan antara status anak dengan perhatian bapa terhadap anak setelah berpoligami)

responden anak	perhatian bapa terhadap anak setelah berpoligami				Jumlah
	tiada perhatian dari bapa	berkurang	selalu marah dalam perkara kecil	mesra seperti biasa	
anak isteri 1	2	7	9	24	42
anak isteri baru(2,3,4)	1	4	4	12	21
Jumlah	3	11	13	36	63

Sumber: (Borang soalselidik)

Berdasarkan kepada keputusan tersebut didapati 24 orang daripada 42 orang anak dari isteri pertama menyatakan bahawa bapa mereka sentiasa memberi perhatian yang mesra. Begitu juga bagi anak isteri baru (2,3,4) di mana lebih daripada separuh (12) daripada 21 orang responden memberikan komen yang sama. Walaupun masih ada responden yang menyatakan mereka tidak mendapat perhatian dari bapa namun jumlah ini adalah sedikit berbanding dengan mereka yang mendapat layanan mesra dari bapa. Di sini boleh dikatakan bahawa poligami bukanlah alasan yang sebenarnya menghalang ibubapa dari memberi perhatian kepada anak-anak. Inilah tanggungjawab yang mestilah disempurnakan sebaiknya.

(b) Hubungan antara status anak dengan pandangan samada bapa berlaku adil atau tidak setelah berpoligami

Dalam membincangkan tentang perlaksanaan poligami kajian juga perlu untuk melihat pandangan anak-anak tentang keadilan bapa berpoligami. Ia penting untuk dilihat dari perspektif anak-anak agar poligami yang diamalkan tidak mendatangkan persepsi buruk kepada generasi akan datang. Jadual 3.33 menunjukkan hasil kajian yang telah diperolehi.

Jadual 3.33: (Hubungan antara status anak dengan pandangan samada bapanya berlaku adil atau tidak setelah berpoligami)

responden anak	adakah anak merasakan bapanya berlaku adil setelah berpoligami			Jumlah
	tidak pasti	tidak	ya	
anak isteri 1		22	20	42
anak isteri baru(2,3,4)	5	9	7	21
Jumlah	5	31	27	63

Sumber: (Borang soalselidik)

Hasil kajian mendapati peratusan tertinggi menunjukkan anak-anak daripada kedua-dua isteri yang berpengalaman daripada ibubapa yang berpoligami mengatakan bahawa bapa mereka tidak berlaku adil dalam berpoligami. Di sini jelas bahawa suami masih lagi tidak dapat menjalankan tanggungjawab sebagai bapa dengan adil dan baik. Bapa seharusnya memastikan keadilan dari setiap segi agar tiada hati yang terguris dan tidak timbul perasaan dendam mendendami, barulah layak untuk berpoligami.

(ii) Kesan poligami terhadap emosi anak-anak

Kajian ini dilihat dari aspek kesan poligami terhadap emosi anak-anak.

Dalam penelitian ini ia akan melibatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan perasaan anak-anak, perhubungan kekeluargaan, cara penerimaan dan adakah ia suatu permasalahan serta cara mereka menghadapinya. Hasilnya akan diperolehi daripada perbincangan berikut:

(a) Hubungan antara status anak (isteri keberapa) dengan perasaan setelah bapa berpoligami

Ini bertujuan untuk melihat bagaimanakah penerimaan anak-anak (mengikut status yang berbeza) setelah mengetahui bapa mereka berpoligami dan cara mereka mengatasinya. Hasil kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.34.

Jadual 3.34: (Hubungan antara status anak (responden anak dari isteri ke berapa) dengan perasaan setelah bapa berpoligami)

responden anak	Perasaan anak setelah bapa berpoligami			Jumlah
	memberontak dan mencari ketenangan diluar	sedih tetapi mendiamkan diri	dapat menerima dengan baik	
anak isteri 1	8	18	16	42
anak isteri baru(2,3,4)	3	9	9	21
Jumlah	11	27	25	63

Sumber: (Borang soalselidik)

Keputusan ini menunjukkan majoriti anak dari kedua-dua isteri menyatakan bahawa mereka berasa sedih tetapi hanya mendiamkan diri sahaja dan sebahagiannya pula dapat menerima takdir ini dengan baik. Namun begitu, terdapat segelintir daripada mereka yang tidak dapat menerimanya dan

memberontak serta mencari ketenangan di luar. Walaupun situasi begini dianggap biasa namun ia tetap memberi kesan negatif kepada anak-anak apatah lagi sekiranya ibubapa tidak dapat mengawal keadaan dengan baik.

(b) Hubungan antara status anak dengan perhubungan mereka dengan ibu setelah bapa berpoligami

Kajian seterusnya ini untuk melihat kesan poligami terhadap perhubungan antara anak-anak dengan ibu mereka setelah bapa berpoligami. Penulis mengandaikan perhubungan yang baik dengan ibu amatlah penting untuk emosi anak-anak yang sedang meningkat dewasa. Jadual 3.35 menunjukkan hasil kajian yang telah diperolehi.

Jadual 3.35: (Hubungan antara status anak dengan perhubungan mereka dengan ibu setelah bapa berpoligami)

responden anak	adakah poligami menyebabkan anak semakin rapat dengan ibu	Jumlah
	tidak, saya menyalahkan ibu di atas perkara yang berlaku	ya, saya sentiasa menenangkan hati ibu dan menyokongnya
anak isteri 1	2	40
anak isteri baru(2,3,4)		21
Jumlah	2	61
Sumber: (Borang soalselidik)		63

Hasil kajian mendapati hampir keseluruhan responden daripada kedua-dua isteri menyatakan bahawa perhubungan mereka dengan ibu semakin rapat setelah bapa berpoligami dan sentiasa berusaha untuk menenangkan hati ibu. Keadaan ini biasanya berlaku setelah berpoligami. Bapa tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada anak-anak di sebelah pihak sahaja.. Namun begitu ini bukanlah bermakna bapa boleh menyerahkan seluruh tanggungjawab terhadap anak-anak

kepada isteri sahaja kerana ini akan meninggalkan kesan negatif kepada mereka setelah dewasa.

(c) Hubungan antara status anak dengan cara mereka mengatasi masalah ketika mendengar ibubapa bertengkar

Kajian ini juga memberi perhatian terhadap kesan poligami kepada perasaan dan emosi anak-anak ketika mendengar pertengkaran ibubapa. Ia bertujuan untuk mengenalpasti cara mereka mengatasi masalah ini dan adakah ia memberi kesan negatif terhadap anak-anak. Hasil kajian adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 3.36.

Jadual 3.36: (Hubungan antara status anak dengan cara mereka mengatasi masalah ketika mendengar ibubapa bertengkar)

responden anak	cara anak mengatasi masalah ketika ibubapa bertengkar				Jumlah
	tidak berkenaan	berdiam diri memadam perasaan	cuba mencampuri tetapi dimarahi atau dipukul	keluar rumah dan bergaul dengan kawan	
anak isteri 1	11	23	2	6	42
anak isteri baru(2,3,4)	9	9	1	2	21
Jumlah	20	32	3	8	63

Sumber: (Borang soalselidik)

Kajian menunjukkan seramai 20 orang (dari kedua-dua isteri) dikategorikan sebagai "tidak berkenaan" iaitu mereka yang tidak mengalami dan mendengar pertelingkahan ibubapa. Mereka diandaikan sebagai golongan yang tidak menghadapi masalah gangguan perasaan. Namun demikian bagi mereka yang sering mendengar pertengkaran ibu bapa mereka, majoriti (dari kedua-dua isteri) memilih untuk berdiam diri dan hanya memendam perasaan. Sikap sebegini sebenarnya akan memberi kesan negatif dalam jangka masa yang

panjang. Pertengkaran ibubapa yang berlanjutan akan membuat anak-anak berasa tiada kedamaian dan kasih sayang antara ahli keluarga. Ini mungkin akan menimbulkan pelbagai masalah sosial apabila anak-anak cuba mencari ketenangan di luar bersama rakan-rakan sebaya.

Selain itu kajian ini juga meneliti samada poligami ini memberi kesan negatif terhadap kehidupan anak-anak. Ini penting untuk mengetahui samada bapa yang berpoligami dapat menjalankan tanggungjawab yang sewajarnya atau tidak. Hasil kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.37.

Jadual 3.37: (Hubungan antara status anak dengan alasan yang mengatakan poligami memberi kesan negatif kepada mereka)

responden anak	alasan anak yang mengatakan poligami memberi kesan negatif kepada mereka				Jumlah
	tidak berkenaan	terjebak gejala yang tidak sihat	tumpuan terhadap pelajaran terganggu	terpaksa berkorban membantu keluarga	
anak isteri 1	20	3	15	4	42
anak isteri baru(2,3,4)	12	2	5	2	21
Jumlah	32	5	20	6	63

Sumber: (Borang soalselidik)

Kajian ini mendapati daripada 63 orang responden, 32 orang dikategorikan sebagai "tidak berkenaan", iaitu mereka yang tidak menghadapi masalah setelah bapa berpoligami. Namun separuh daripada mereka iaitu seramai 31 orang responden mengatakan bahawa poligami banyak memberi kesan negatif kepada mereka. Daripada keseluruhannya didapati majoriti anak-anak (daripada kedua-dua isteri) mengatakan bahawa poligami adalah penyebab kepada gangguan tumpuan dalam pelajaran. Sebagaimana yang disebut, sekiranya bapa

tidak berjaya mengawal keadaan keluarga dengan baik, pelbagai permasalahan akan timbul dan ini banyak memberi kesan negatif kepada anak-anak. Selain itu bapa yang tidak berkemampuan dari segi ekonomi menyebabkan anak-anak terpaksa berkorban untuk membantu ibu mereka memandangkan banyak keperluan yang tidak mencukupi. Malah terdapat responden yang terjebak dalam gejala yang tidak sihat dan mereka menyalahkan poligami. Jelasnya di sini mereka menyalahkan ibubapa atas perkara yang terjadi.

Seterusnya kajian juga ingin melihat bagaimanakah perasaan anak-anak dalam pergaulan dalam masyarakat dalam situasi bapa mereka tidak berlaku adil. Hasil kajian adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 3.38.

Jadual 3.38: (Hubungan antara status anak dengan perasaan mereka dalam pergaulan dengan masyarakat)

responden anak	sekiranya bapa tidak adil, adakah anak merasa rendah diri dan malu kepada masyarakat			Jumlah
	tidak berkenaan	tidak,malah mendapatya, simpati drpd. masyarakat	ya, situasi ini menambahkan lagi perasaan benci dan dendam	
Anak isteri 1	17	14	11	42
anak isteri baru(2,3,4)	11	6	4	21
Jumlah	28	20	15	63

Sumber: (Borang soalselidik)

Daripada kajian ini didapati seramai 28 orang dikategorikan sebagai "tidak berkenaan" iaitu responden yang tidak menghadapi masalah dengan bapa yang berpoligami. Bagi 35 orang responden, hasil kajian mendapati majoriti anak bagi kedua-dua isteri mengatakan bahawa mereka tidak berasa rendah diri atau malu dalam pergaulan dalam masyarakat di persekitaran. Keadaan ini agak baik kerana ia mengurangkan beban dan masalah yang ditanggung mereka. Namun demikian,

terdapat responden dari kedua-dua isteri yang mengatakan mereka berasa rendah diri dan malu untuk berhadapan dengan masyarakat setempat. Ini mungkin terjadi kerana terdapat segelintir masyarakat yang suka mencemuh di atas kebaikan orang lain. Walau bagaimanapun sikap begini tidak sepatutnya berlaku namun keadaan ini mungkin tidak terjadi sekiranya poligami yang diamalkan berjalan dengan baik dan memenuhi segala tanggungjawab yang sepatutnya. Malangnya anak-anak masih menjadi mangsa ketidakadilan berpoligami.

(iii) Kesan poligami terhadap anak-anak dari aspek perhubungan kekeluargaan

Seterusnya kajian memberi perhatian terhadap perhubungan kekeluargaan. Kajian mengandaikan sekiranya terdapat perhubungan yang baik di antara anak-anak dengan ibu tiri dan adik-beradik baru, bapa berjaya menjalankan tugasnya sebagai pemimpin keluarga yang berkaliber. Hasil kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.39.

Jadual 3.39: (Hubungan antara status anak dengan pergaulan dan kemesraan dengan ibu tiri dan adik beradik baru)

Responden anak	hubungan anak dengan ibu tiri dan adik-beradik baru	Jumlah
	tidak mesra	mesra
Anak isteri 1	28	14
Anak isteri baru(2,3,4)	17	4
Jumlah	45	18
		63

Sumber: (Borang soalselidik)

Kajian menunjukkan majoriti responden (dari kedua-dua isteri) iaitu seramai 45 orang mengatakan hubungan mereka tidak mesra antara satu sama lain. Ini menunjukkan lebih separuh daripada responden tidak mempunyai hubungan yang baik. Dalam hal ini, bapa tidak berjaya mendidik anak-anak dan

isteri agar bersatu. Ini bererti bapa tidak mampu memberi kepimpinan yang baik terhadap keluarga.

Kajian juga ingin melihat bagaimakah perhubungan anak-anak dan bapa setelah mereka meningkat dewasa. Ia bertujuan untuk mengenalpasti samada poligami memberi kesan terhadap anak-anak dari aspek perhubungan kekeluargaan. Hasil kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.40.

Jadual 3.40: (Hubungan antara status anak dengan perasaan mereka terhadap bapa setelah dewasa)

responden anak	perasaan anak terhadap bapa setelah dewasa	Jumlah
	berdendam tapi menghormatinya sebagai bapa	sentiasa menyayanginya
anak isteri 1	15	27
anak isteri baru(2,3,4)	8	13
Jumlah	23	40
		63

Sumber: (Borang soalselidik)

Hasil kajian mendapati lebih separuh responden daripada kedua-dua isteri mengatakan bahawa mereka sentiasa menyayangi bapa mereka. Ini menunjukkan bahawa walau apa jua keadaan sekalipun perasaan kasih sayang dan perhubungan kekeluargaan masih lagi wujud antara mereka. Namun demikian, tidak kurang juga yang masih menaruh dendam terhadap bapa mereka. Ini adalah kesan yang tidak sepatutnya berlaku kepada mereka. Ini jelas menunjukkan bahawa poligami yang diamalkan masih lagi tidak menepati syariat kerana menyebabkan golongan tertentu tidak puas hati.

Seterusnya kajian melihat sejauhmana penilaian anak-anak terhadap perlaksanaan poligami di Daerah Kuala Terengganu samada ia memberi kesan positif atau negatif. Hasil kajian yang diperolehi adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 3.41.

Jadual 3.41: (Hubungan antara status anak dengan pandangan mereka samada poligami memberi lebih kesan positif atau negatif terhadap anak-anak)

responden anak	nyatakan samada poligami memberi lebih kesan positif atau negatif terhadap anak-anak			Jumlah
	tidak pasti	poligam. lebih memberi kesan negatif	poligami lebih memberi kesan positif	
anak isteri 1	10	21	11	42
anak isteri 2	1	11	9	21
Jumlah	11	32	20	63

Sumber: (Borang soalselidik)

Berdasarkan kajian, majoriti anak-anak dari kedua-dua isteri menyatakan poligami memberi lebih kesan negatif daripada positif kepada mereka. Di manakah kesilapan yang sebenarnya berlaku? Ini menunjukkan pengamal poligami tidak bersedia dalam memberikan komitmen yang sepatutnya.